



"ISLAM AGAMA YANG MUDAH"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : قُلْ يَأَهْلَ الْكِتَبِ لَا تَغْلُوا
فِي دِينِكُمْ غَيْرَ الْحَقِّ وَلَا تَتَبِعُو أَهْوَاءَ قَوْمٍ
قَدْ ضَلُّوا مِنْ قَبْلٍ وَأَضَلُّوا كَثِيرًا وَضَلُّوا عَنْ
سَوَاءِ السَّبِيلِ .

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فِيآ أَيَّهَا الْمُسْلِمُونَ! اِتَّقُوا اللَّهَ، أَوْ صِيكُمْ
وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ



تَعَالَى : يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِلِهِ وَلَا
تَمْوَنْ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan penuh ketaatan, keyakinan dan keikhlasan. Iaitu dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa seterusnya selamat dan berjaya di dunia serta di akhirat.

Marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk: "**ISLAM AGAMA YANG MUDAH**".

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,

Islam adalah agama yang mudah dalam erti kata dapat dilaksanakan di semua keadaan, masa dan tempat serta sesuai dengan fitrah kejadian manusia. Ia juga bermaksud Islam adalah agama yang bersifat sederhana, mudah, praktikal dan bertoleransi. Selain itu, pengikut agama Islam pula disifatkan sebagai *ummatan wasatan* iaitu umat yang sederhana, adil, tidak berat sebelah dalam hal dunia dan akhirat serta berimbang dalam seluruh aspek kehidupannya. Sifat Islam sebagai agama yang penuh kemudahan ini ditegaskan dengan jelas oleh Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 6;



مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَكِنْ
يُرِيدُ لِيُظَهِّرَكُمْ وَلِيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ
تَشَكُّرُونَ



"Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi Dia berkehendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmatNya kepada kamu supaya kamu bersyukur".

Oleh kerana itu, maka tidak sewajarnya diberatkan atau disulitkan pengamalan Islam dengan sikap memberatkan perkara yang mudah dan menambah amalan-amalan yang membebankan sehingga melampaui batas kemampuan manusia. Sikap sebegini bukanlah daripada Islam. Islam tidak menyusahkan umatnya sebaliknya manusia itu sendiri yang menyusahkan diri mereka.

Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ وَلَكِنْ يُشَادَ الدِّينَ أَحَدٌ إِلَّا غَلَبَهُ،
فَسَدِّدُوا وَقَارُوا وَأَبْشِرُوا وَاسْتَعِنُوا بِالْغَدْوَةِ
وَالرَّوْحَةِ وَشَيْءٌ مِنْ الدُّلْجَةِ.



"Sesungguhnya agama ini mudah, dan tidaklah seseorang yang memberatkan urusan agamanya melainkan dia akan dikalahkannya (lemah dan tidak berupaya melaksanakannya), maka tepatkanlah (bersederhana), dekatkanlah (dengan mendekati kesempurnaan), bergembiralah (dengan amalan sedikit tetapi berterusan) dan mintalah bantuan dengan (melaksanakan ketaatan pada waktu-waktu yang membangkitkan semangat) di waktu pagi, petang dan penghujung dari waktu malam".
(Riwayat al-Bukhari)

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,

Islam adalah agama yang bersifat sederhana, mudah, praktikal dan bertoleransi. Antara beberapa perkara yang mencerminkan bahawa Islam itu merupakan agama yang mudah adalah:

Pertama : Syariat Islam dilaksanakan mengikut keutamaannya. Ibadah-ibadah wajib mestilah dilaksanakan terlebih dahulu kemudian disempurnakan atau ditambah dengan ibadah-ibadah sunat. Begitu juga perkara-perkara yang haram mestilah dijauhkan terlebih dahulu kemudian disempurnakan lagi dengan menjauhi perkara-perkara yang makruh. Ada pun perkara-perkara harus adalah dipertengahan, ianya boleh dilaksanakan atau ditinggalkan dan dalam Islam, perkara-perkara harus adalah yang terbanyak berbanding perkara wajib, sunat, haram dan makruh.

Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 36;



وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةً إِذَا قَضَى اللَّهُ
وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمْ أَحْيَرَةً مِنْ
أَمْرِهِمْ وَمَن يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ
ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا



"Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata".

Kedua : Wujudnya konsep *rukhsah* atau keringanan dalam perlaksanaan syariat Islam. Konsep *rukhsah* dalam Islam wujud dalam semua aspek ibadah. Khususnya bagi mereka yang lemah tubuh badan atau berada dalam situasi darurat. Sebagai contoh solat yang wajib boleh dilaksanakan sama ada berdiri, duduk dan berbaring dalam keadaan-keadaan tertentu. Begitu pula puasa wajib boleh ditinggalkan ketika bermusafir dan digantikan puasa tersebut di hari-hari yang lain.



Rasulullah s.a.w pernah menegur seorang sahabat yang lesu, lemah dan kepenatan kerana berpuasa dalam permusafiran. Hadis daripada Jabir bin Abdullah RA bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

لَيْسَ مِنَ الْبِرِّ الصَّوْمُ فِي السَّفَرِ.

"Bukanlah termasuk kebajikan untuk berpuasa dalam perjalanan (jauh)".
(Riwayat al-Bukhari)

Ketiga : Islam tidak meredahkan dan mendukung perlaksanaan ibadah yang membebankan. Rasulullah s.a.w pernah menegur seorang sahabat yang dilihat tersangat penat, lemah dan menderita dalam mengerjakan Haji. Nabi s.a.w bertanyakan para sahabat mengapakah beliau dilihat begitu? Para sahabat menjawab bahawa beliau melaksanakan Haji dengan berjalan kaki kerana nazar. Hadis daripada Anas RA bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَغَنِيٌّ عَنْ تَعْذِيبِ هَذَا نَفْسَهُ.

"Sesunguhnya Allah tidak memerlukan tindakan penyiksaan diri sendiri, seperti yang dilakukan oleh orang itu".
(Riwayat al-Bukhari)

Demikianlah mudahnya ajaran Islam yang disifatkan sebagai *rahmatan lil alamin* atau agama rahmat untuk sekalian alam. Bahkan



dalam sebuah riwayat Saidatina Aisyah RA pernah menceritakan bahawa Rasulullah SAW sendiri selalu memilih salah satu yang lebih mudah di antara dua perkara selama mana ianya tidak termasuk dalam perkara dosa.

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,

Islam merupakan agama yang mudah, praktikal dan bertoleransi dalam erti kata ianya dapat dilaksanakan di semua tempat, sesuai pada setiap masa dan bertepatan dengan fitrah kejadian manusia.

Sikap al-Ghulu (الغلو) dalam beragama dengan berlebih-lebihan dalam pegangan dan pengamalan hukum-hukum syariat serta mempersulit diri sendiri atau orang lain merupakan sikap yang dicela dan ditentang oleh agama Islam. Oleh itu, jadikanlah orang yang berilmu dan berpengetahuan dalam pengamalan Islam agar ianya bertepatan dengan tuntutan dan kehendak syarak dan agama yang bersifat sebagai *rahmatan lil alamin* iaitu agama rahmat untuk sekalian alam.

Kesimpulan dan pengajaran daripada khutbah hari ini adalah, merujuk kepada fenomena yang berlaku dalam masyarakat kita hari ini bahawa wujud golongan yang menyusahkan diri sendiri dalam amalan beragama, membida'ahkan amalan-amalan orang lain yang selaras dengan kehendak sunnah dan ijmak ulama', memberatkan diri dengan amalan-amalan sunat sehingga menjaskan kemampuan diri dan mengabaikan amalan-amalan wajib yang sepatutnya diutamakan.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
وَجَاهِدُوا فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ هُوَ أَجْتَبَنَاكُمْ وَمَا
جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ مِّلَةً أَبِيَّكُمْ
إِبْرَاهِيمَ هُوَ سَمَّنَكُمُ الْمُسْلِمِينَ مِنْ قَبْلٍ وَفِي هَذَا
لِيَكُونَ الرَّسُولُ شَهِيدًا عَلَيْكُمْ وَتَكُونُوا شُهَدَاءَ
عَلَى النَّاسِ فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الزَّكَوَةَ
وَآتَصِمُوا بِاللَّهِ هُوَ مَوْلَانَا فَنِعْمَ الْمَوْلَى وَنِعْمَ

النَّصِيرُ



"Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya. Dialah yang memilih kamu (untuk mengerjakan suruhan agamanya); dan Dia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu bebanan dan susah payah dalam perkara agama, sebagaimana agama bapa kamu, Ibrahim. Dia menamakan kamu: "orang Islam" semenjak dahulu dan di dalam (Al-Quran) ini, supaya Rasulullah (Muhammad) menjadi saksi yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu, dan supaya kamu pula layak menjadi orang-orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah). Oleh itu, dirikanlah solat, dan



tunaikanlah zakat, serta berpegang teguhlah kamu kepada Allah! Dialah Pelindung kamu. Maka (Allah yang demikian sifat-Nya) Dialah sahaja sebaik-baik Pelindung dan sebaik-baik Pemberi pertolongan”.

(Al-Hajj : 78)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَأَيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالدِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَيُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلَوَأَ عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيماً.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ
أَعْجِمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ
إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بَنَيْكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ
عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّ
مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ سَلاَغُورِ، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ
ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ
عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.



اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاجُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ
ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ
وَالْأَكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ
وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَىِ
وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.



Ya Allah, Tuhan yang mempunyai kekuasaan dan kebesaran. Tuhan penganugerahan keselamatan dan kesejahteraan. Kami mohon ke hadratMu, cucurilah rahmat ke atas arwah-arwah perwira-perwira negara yang syahid di medan pertempuran di Lahad Datu, Sabah. Semadikanlah roh-roh mereka bersama para syuhada' dan solihin. Demikian juga kepada yang tercedera, dapat dipulihkan segera kesihatan mereka. Kurniakan kepada keluarga mereka kesabaran atas bencana yang menimpa dan keredhaan hati menerima qada' dan ketentuan daripadaMu.

Ya Allah, selamatkanlah perwira-perwira kami yang masih bertugas di sana. Dengan kekuasaanMu juga, dapat kiranya ditamatkan segala pertempuran dan pertumpahan darah.

Engkau bukakanlah hati umat Islam, khususnya di Negeri Selangor untuk melaksanakan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau fardhukan di dalam Al-Quran. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin, sucikanlah harta dan jiwa mereka agar mereka hidup dalam keredhaan-Mu. Kau lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.



عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ
وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ
نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.